

Pengisytiharan

Persatuan Kanak-Kanak Dan Belia Untuk Kedamain Sempadan Selatan Dengan Kesempatan Hari Media Kedamain Sempadan Selatan / Patani Kali Ke. 3/2559

Pergolakan di selatan Thailand sejak tahun 2547 hingga ke hari ini makin hari makin bertambah berlaku dan melarat serta mengembangkan kawasan yang menjadi asbab menimbulkan masalah di bidang ekonomi dan sosial. Manakala masa terkini kedua-dua agensi antara kerajaan dan rakyat masih tidak dapat menyelesaikan masalah keganasan yang dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak. Kelainan akta ini menimbulkan keganasan yang melibatkan kanak-kanak, belia, wanita, sama ada terhadap badan, minda dan keselamatan dalam kehidupan harian. Buat masa ini tiada langkah-langkah untuk menangani keganasan dalam proses supaya dapat menjadi aman untuk kanak-kanak, belia, wanita, dan tempat perlindungan dengan secara berkesan dan saksama. Dengan kesempatan hari media kedamain Sempadan Selatan / Patani Persatuan Kanak-Kanak Dan Belia Untuk Kedamain Sempadan Selatan meminta perkara-perkara berikut:

1. Pihak kerajaan mesti mempercepatkan operasi dan membaiki kawasan sempadan selatan supaya menjadi tempat dan kawasan yang selamat untuk kanak-kanak, belia dan wanita supaya dapat menjalankan kehidupan harian
2. Pihak kerajaan hendaklah membuka peluang kepada kanak-kanak, belia, wanita supaya dapat menyertai dalam memberi komen dan cadangan serta dapat melaksanakan projek-projek yang akan mewujudkan keselamatan dalam dimensi fizikal dan psikologi kanak-kanak, belia dan wanita
3. Pihak kerajaan diminta mempercepatkan untuk mengadakan undang-undang mempertahankan dan mencegah keganasan terhadap rumah tangga dengan patuh dalam keputusan dan menimbang rasa perkara keperluan kanak-kanak, belia, wanita yang sedang jatuh dalam kezaliman dan keganasan supaya mendapat bantuan dan perlindungan serta dapat perkhidmatan dalam masyarakat.
4. Pihak berkuasa kerajaan mesti memberi keadilan dan pertolongan serta membantu kanak-kanak, belia dan wanita. Wanita yang dizalimi, wanita yang terjerumus dalam keganasannya dengan secara tidak menghormati maruah kemanusiaan, sehingga perkara yang tidak mendiskriminasi terhadap kanak-kanak dan remaja dan wanita

Persatuan Kanak-Kanak Dan Belia Untuk Kedamain Sempadan Selatan
28 Februari 2559

